

Malaysia tarik pelaburan RE
Utusan Online
31 Mei, 2012
Oleh Ahmad Fadzil Zainol Ariffin

KUALA LUMPUR 30 Mei - Kehadiran pelbagai syarikat multinasional berkaitan tenaga boleh perbaharui (RE) seperti produk panel solar yang melabur ke negara ini disebabkan tarikan pelaburan di negara ini dan mereka tidak hanya menjadikan Malaysia sebagai pasaran utama.

Pengarah Kanan Perhubungan Awam First Solar Malaysia, Ahmad Hadri Haris berkata, sebaliknya, sebahagian besar aktiviti pengeluaran yang dijalankan oleh syarikat asing itu adalah untuk tujuan eksport.

Bagaimanapun katanya, walaupun kesemua syarikat tidak memberi tumpuan sepenuhnya kepada pasaran domestik, negara masih boleh mengambil kesempatan di atas teknologi tinggi yang dibawa masuk serta penggunaan pekerja tempatan.

"Bagi pelabur, selain mempunyai kelebihan daripada segi geografi dan polisi kerajaan, gaji pekerja yang rendah serta penyediaan tenaga kerja dalam pelbagai kategori menjadi faktor kenapa mereka berminat melabur di sini," kata beliau semasa sesi perbincangan bertajuk Peranan ASEAN di dalam RE di sini hari ini.

Perbincangan itu diadakan pada hari kedua penganjuran Invest Malaysia 2012.

Turut terlibat dalam perbincangan itu adalah Pengarah Eksekutif Pelaburan Khazanah, Shahazwan Harris, Pengarah Projek Yayasan William J. Clinton, James Baird dan Ketua Global Securities Markets Bursa Malaysia, Uday Jayaram yang menjadi pengendali acara.

Ahmad Hadri berkata demikian semasa menjawab soalan daripada peserta yang bertanya mengapa syarikat asing di negara ini tidak mengutamakan produk RE ke pasaran tempatan dan menjualnya dengan harga murah, sedangkan mereka mengambil kesempatan di atas kos utiliti yang murah berbanding beroperasi di negara lain.

Beliau juga menegaskan hal itu juga bersangkut paut dengan nilai yang telah dilaburkan ke negara ini termasuk kos penyediaan dan pembangunan teknologi tinggi.

"Industri RE termasuk pengeluaran panel solar masih baru. Ia akan mengambil masa untuk menjadikan harganya stabil dan lebih murah seperti mana sumber tenaga konvensional," kata beliau.

Perkara itu juga disokong oleh Baird yang menjelaskan, mulai 2012, industri RE akan terus bertumbuh dengan baik kerana penglibatan aktif negara-negara ekonomi baru seperti China selain industri ini telah melepasi 'penderitaan awal' yang sering dilalui oleh mana-mana industri baru terutamanya dari segi kos.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0531&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm

